

# Isu rasuah dibelenggu persepsi negatif: PM

BH-29/11/2006

## BPR sudah berusaha cukup kuat, tambah 300 pegawai baru

Oleh Ahmad Naim Tahir dan Hussain Said

**P**ORT DICKSON: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, isu rasuah di negara ini terlalu banyak dibelenggu persepsi mengaitkan kononnya kedudukan seseorang menjadi penentu sama ada mereka dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa atau tidak.

"Ada persepsi... kalau tak sabit (kesalahan rasuah di mahkamah), kata orang itu dilindungi kerajaan atau kononnya ada orang tertentu beritahu mahkamah dan cakap pada hakim supaya tak payah dakwa.

"Jika disabitkan kesalahan pula, ada kata orang itu bukan kawan PM (Perdana Menteri). Bagaimana nak buat kerja jika ada (persepsi) orang seperti ini," kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup pertandingan Cabaran Pelaburan Sedunia (WIC) anjuran Permodalan Nasional

Bhd (PNB), di Ilham Resort, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Perdana Menteri berkata, prinsip undang-undang adalah mudah, iaitu

**“Jika salah, kena hukum... jika tak, tak payah. Siasatan isu rasuah bukan senang, terutama jika isunya rumit. Orang besar, isunya besar...”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

sesiapa yang bersalah akan dihukum, tanpa mengira individu berkenaan 'orang kecil' atau 'orang besar'.

"Jika salah, kena hukum... jika tak, tak payah (hukum). Siasatan berhubung isu rasuah bukan senang, terutama jika isunya rumit. Orang besar, isunya besar... tak senang diselesaikan.

"Orang kecil cepat... mereka ambil (rasuah) sedikit, pergi mahkamah... sabit (kesalahan), tetapi orang akan kata apa jadi pada 'big fish' yang tak senang untuk ditangkap," katanya.

Abdullah berkata, Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah mengambil usaha yang cukup kuat untuk memerangi rasuah dan ia akan terus diperhebatkan dengan tambahan kira-kira 300 pegawai baru.

"Kita dah tambah pegawai penguat kuasa BPR yang akan turun padang, tak payah tunggu (laporan) polis setiap masa. Jika ada syak rasuah, BPR boleh pergi terus dan tak perlu tung-

gu arahan sesiapa atau laporan polis.

"Siapa terbabit akan disiasat dan jika ada bukti... bawa ke mahkamah, tetapi BPR perlu berhati-hati kerana kena pastikan bukti yang ada.

"Jika semata-mata bawa kes ke mahkamah untuk tunjuk buat sesuatu dan orang gembira, tetapi tak boleh sabit (kesalahan), reputasi orang itu terjejas, hidupnya tunggang langgang, syarikatnya juga tidak akan elok lagi," katanya.

Sementara itu Perdana Menteri berkata, beliau juga berpuas hati dengan peningkatan khidmat Polis Diraja Malaysia (PDRM), termasuk proses pendakwaan kes di mahkamah yang semakin pantas.

"Ketua Hakim Negara juga sedang berusaha untuk tingkatkan khidmat mahkamah, termasuk menambah hakim. Saya juga minta peguam sama-sama bertanggungjawab, kerana terlalu banyak yang mohon kes ditangguh," katanya.